



Ruj. Kami : KPM.100-1/5/1 Jld.2 (58)

Tarikh : 21 Mei 2020

5858

SEGERA SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN KEPADA PEGAWAI PENTADBIRAN, PENGURUSAN DAN ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA (AKP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) YANG BERADA DI KAMPUNG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN UNTUK KEMBALI KE KEDIAMAN DAN TEMPAT BERTUGAS

Dengan hormat dan sukacitanya saya merujuk kepada perkara di atas dan Soalan Lazim (FAQ) JPA bertarikh 4 Mei 2020 mengenai Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah berkaitan.

2. Susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara sejak 18 Mac 2020 dan diikuti dengan PKPB yang berkuat kuasa mulai 4 Mei 2020, Kementerian ini mendapati sebilangan pegawai dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) masih berada di kampung.

3. Memandangkan pergerakan pulang ke tempat kerja telah dibenarkan oleh Kerajaan, pihak YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan perlu memastikan pegawai dan AKP yang terlibat untuk **melakukan perjalanan balik ke kediaman masing-masing dan seterusnya memulakan tugas berkuat kuasa 27 Mei 2020 (Rabu).**

4. Surat edaran ini tidak terpakai kepada guru-guru di sekolah kerana guru perlu mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP)/ Soalan Lazim (FAQ) yang telah dikeluarkan pada 27 Mac 2020 yang boleh dirujuk di laman web KPM.

5. Adalah perkara ini dikemukakan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS)

s.k

KPPM

TKSU (P)

TKSU (B)

SUSK Menteri Kanan Pendidikan

SUSK Timbalan Menteri Pendidikan I

SUSK Timbalan Menteri Pendidikan II

Fail

SENARAI EDARAN:

- 1. Semua Pengarah Bahagian KPM**
- 2. Semua Setiausaha Bahagian KPM**
- 3. Ketua Nazir Sekolah**
- 4. Rektor IPGM**
- 5. Ketua Agensi KPM**
- 6. Semua Ketua Unit KPM**
- 7. Ketua Akauntan KPM**